

BAB DUA

BAB DUA : PERADABAN ISLAM

2.1 Pengenalan : Konsep Peradaban Islam

Peradaban Islam merangkumi kebudayaan, tamadun, kemajuan (kebendaan dan kerohanian) dan etika. Jelasnya, peradaban Islam merangkumi seluruh aspek kehidupan manusiawi. Pengertian peradaban yang sebenar pula hanya dapat dicapai dengan wujudnya masyarakat yang bermoral. Oleh itu, kemajuan dari sudut fizikal hendaklah seimbang dengan pembangunan kerohanian untuk memaknakan pengertian peradaban yang sebenar. Peradaban Islam jelas berbeza dengan peradaban dunia yang lain kerana ia meletakkkan al-din sebagai asas yang membentuk peradaban, sebaliknya jika diteliti pada peradaban lain, jelas menunjukkan bahawa manusia yang membentuk asas kepada sesebuah peradaban.

2.2 Sejarah Perkembangan Peradaban Islam

Penduduk Arab sebelum Islam menganut pelbagai kepercayaan dan agama. Agama yang dianuti adalah terdiri daripada agama Samawi iaitu Kristian dan Yahudi, ajaran Nabi Musa a.s. dan Isa a.s. serta agama Hanif (ajaran Nabi Ibrahim a.s.) manakala kepercayaan-kepercayaan yang diamalkan adalah seperti menyembah berhala, api, matahari dan sebagainya yang dipanggil sebagai amalan jahiliah.

Tamadun manusia yang tertua dapat dikesan dan ia lahir di lembah Tigris-Euphrates, Iraq kira-kira 5000 tahun yang silam. Selain tamadun Islam, tidak dapat

dipastikan titik permulaan dan peralihan sesuatu tamadun secara tepat malah tidak jelas asal-usulnya. Tamadun Islam bermula apabila berlaku peristiwa penerimaan wahyu yang pertama oleh Nabi Muhammad s.a.w. daripada Allah s.w.t. melalui malaikat Jibril a.s. pada bulan Ramadhan tahun 610 Masehi, ketika baginda berusia 40 tahun.

Ketika baginda dilahirkan, Semenanjung Arab berjiran dengan tamadun-tamadun terkemuka dalam sejarah, iaitu tamadun Greek dan Byzantin di sebelah utara, tamadun Iran di sebelah timur, tamadun India di sebelah tenggara dan tamadun Armaik Hebrew dan Aryan di sebelah barat laut.

Perkembangan tamadun Islam di dunia Arab boleh dibahagikan kepada lima peringkat iaitu zaman Rasulullah dan al-Khulafa al-Rashidin (610 – 660 M), zaman Bani Umayyah (660 – 750 M), zaman Bani Abbasiyah (750 – 1261 M), zaman Andalusia (750 – 1492 M), zaman Bani Moghuliyah dan Zaman Bani Uthmaniah (1261 – 19824 M). Kekuatan tamadun Islam turut menyumbang ke arah tercetusnya pembaharuan di Eropah dan seterusnya hingga ke Kepulauan Melayu.¹

2.2.1 Zaman Rasulullah s.a.w. dan al-Khulafa al-Rashidin r.a.

Zaman Rasulullah s.a.w. dan al-Khulafa al-Rashidin r.a. merupakan zaman model bagi tamadun Islam. Pada prinsipnya tamadun Islam selepas zaman awal Islam dicorakkan berdasarkan zaman model ini.

Nabi Muhammad s.a.w lahir pada 12 Rabiulawal tahun Gajah bersamaan 20 April tahun 571 Masehi dari kalangan bangsa Arab Quraisy. Sifatnya yang jujur dan amanah menyebabkan baginda dikenali sebagai al-Amin (yang jujur) di kalangan masyarakat pada masa itu. Pada 17 Ramadhan bersamaan 6 Ogos tahun 610 Masehi baginda mendapat wahu yang pertama daripada Allah s.w.t. sekali gus rasmilah perlantikan baginda sebagai rasul Allah.

Selama 13 tahun berikutnya baginda menjalankan dakwah di Mekah yang bertemakan tauhid iaitu mengesakan Allah s.w.t. dan menentang segala bentuk syirik, khurafat dan tasyul. Pada tahun 622 Masehi, baginda diperintahkan supaya berhijrah ke Yathrib kerana menghadapi tentangan yang hebat dari segi mental dan fizikal daripada orang kafir Quraisy. Mulai dari penghijrahan ini Yathrib dikenali sebagai Madinah al-Nabi.

Di Madinah, usaha-usaha dakwah tertumpu kepada :

1. Membina dan menyusun masyarakat serta negara Islam
2. Memelihara dan mempertahankan masyarakat serta negara Islam

Bagi melaksanakan usaha-usaha ini :

- a- Beberapa perjanjian telah diadakan

1. Perjanjian Aqabah I (antara isinya orang Madinah berikrar tidak akan mensyirikkan Allah s.w.t., mencuri, berzina dan menolak perbuatan baik).
 2. Perjanjian Aqabah II (mempersaudarakan orang Muhajirin dan Ansar).
- b- Meletakkan prinsip dan dasar pemerintahan Islam iaitu pembentukan Piagam Madinah yang mengandungi 47 fasal yang menekankan konsep takwa dan kesatuan.

Setelah Rasulullah s.a.w. wafat pada tahun 632 Masehi, bermulalah kerajaan yang dipimpin oleh sahabat-sahabat nabi yang dikenali sebagai al-Khulafa' al-Rasyidin. Zaman ini diwakili oleh empat orang khalifah iaitu :

1. Khalifah Abu Bakar al-Siddiq r.a.
2. Khalifah Umar ibn al-Khattab r.a.
3. Khalifah 'Uthman ibn al-Affan r.a.
4. Khalifah Ali ibn Abu Talib k.w.

Zaman ini menyaksikan keempat-empat khalifah meneruskan usaha-usaha dakwah yang dilakukan oleh Rasulullah dan meletakkan al-Quran dan as-Sunnah sebagai rujukan dan asas dalam pemerintahan.

Pada masa pemerintahan Abu Bakar al-Siddiq r.a., beliau telah berjaya mewujudkan keamanan dengan menumpaskan golongan yang enggan membayar zakat dan mereka yang mendakwa diri mereka sebagai nabi selepas kewafatan Rasulullah.

Pada masa pemerintahan Umar al-Khattab dengan kekuatan tentera yang dimiliki, wilayah Islam mula berkembang ke Syria dan Mesir dan berjaya menundukkan pemerintahan Romawi di timur dan menghancurkan pemerintahan Farsi di Iraq. Manakala pada masa pemerintahan Uthman ibn Affan, kerajaan Islam terus berkembang luas hingga ke Afrika di bahagian barat dan Turkistan di timur. Antara usaha terpenting Uthman ibn Affan ialah pembukuan al-Quran menjadi sebuah mashaf yang lengkap. Pada masa pemerintahan Ali ibn Abi Talib pula, ilmu sains dan matematik mula diperkenalkan.² Inilah antara kejayaan-kejayaan yang telah dicapai semasa pemerintahan al-Khalifa' al-Rasyidin di samping mereka juga terpaksa menghadapi ancaman-ancaman daripada penentang sama ada dari dalam dan di luar kawasan pemerintahan serta pada masa yang sama juga terpaksa menyelesaikan pemberontakan-pemberontakan golongan yang berhaluan kanan.

2.2.2 Zaman Bani Umayyah

Khalifah-khalifah di zaman Bani Umayyah meletakkan al-Quran, al-Sunnah dan al-Ijma' sebagai sumber perundangan negara, dan bentuk organisasi negara seperti politik, pentadbiran dan kewangan dikekalkan seperti di zaman nabi dan sahabat, tetapi ia diperluas dan diubahsuai sesuai dengan pertambahan penduduk dan keluasan daerah

Islam pada ketika itu. Pusat pemerintahan Bani Umayyah ialah di Damsyik (Syam) atau dikenali sebagai Syria sekarang. Di Syam, kegiatan ilmu pengetahuan sangat digalakkan. Pada masa itulah ilmu-ilmu al-Quran dan as-Sunnah seperti ‘Ulum al-Quran, dan Mustalah Hadis mula dikembangkan, begitu juga ilmu-ilmu sains seperti perubatan dan sebagainya. Kerajaan Bani Umayyah seperti di Sepanyol yang dipimpin oleh Abdul al-Rahman al-Dakhil telah memerdekaan pemerintahan wilayah tersebut dari pusat pemerintahan Islam di timur dengan mendirikan kerajaan Islam di Andalusia, iaitu di benua Eropah. Pusat pemerintahannya ialah di Cordova.³

2.2.3 Zaman Bani Abbasiyah

Pada zaman ini perkembangan ilmu, kebudayaan, ekonomi dan politik begitu meluas dan gemilang. Kerajaan Bani Abbasiyah pada waktu itu berpusat di Baghdad.

Dalam bidang kebudayaan, kegiatan seni seperti puisi, binaan dan ukiran berkembang pesat. Proses pengasimilasian juga berlaku dengan adanya perkahwinan campur yang telah melahirkan cantuman kebudayaan Farsi, Hindu, Arab dan Greek. Dari sudut keilmuan, telah berlaku penubuhan Bayt al-Hikmah dan gerakan terjemahan yang diberi perhatian yang serius oleh pemerintah. Masjid dijadikan sebagai pusat segala kegiatan ilmu.

Perkembangan dalam bidang ekonomi juga dapat dilihat dengan peranan yang dimainkan oleh Bayt al-Mal. Fungsinya ialah menjaga khazanah negara dan

mengagihkannya mengikut keperluan negara. Institusi ini dapat diselenggara dan dapat menjalankan aktivitinya dengan berkesan. Sumber-sumber ekonomi seperti pertanian dan perdagangan juga berkembang dengan pesat serta dapat dijana ke arah pertumbuhan ekonomi yang lebih efisien.

Dari segi politik, kelahiran fahaman politik juga mula wujud. Kerajaan juga mampu menyediakan angkatan perang yang mantap untuk menghadapi sebarang bentuk ancaman musuh sama ada dari dalam atau luar. Ketika ini juga organisasi kehakiman menjadi satu organisasi yang kukuh dan mempunyai peranan yang besar.⁴

2.2.4 Zaman Andalusia

Latar belakang

Menurut sejarah Islam, Sepanyol (Ing : Spin) lebih dikenali dengan nama “Andalus”, “al-Andalus” atau “Asbania”⁵. Seringkali juga disebut “Jazirah al- Andalus” yang merangkumi seluruh Semenanjung Iberia meliputi Sepanyol dan Portugal di sebelah baratnya.⁶ Kesemua nama-nama tersebut mempunyai kaitan sejarahnya yang tersendiri. Andalus merupakan jambatan yang menghubungkan kebudayaan Asia dan Afrika dengan Eropah. Ia juga merupakan tempat pertemuan pelbagai suku bangsa seperti Romawi, Visigoth, Berber, Arab dan Yahudi. Kebudayaan Islam di Andalusia sangat bergantung dan berkait rapat dengan kebudayaan Islam yang terdapat di sebelah timur.

Andalus Sebelum Kedatangan Islam

Sebelum kedatangan Islam, Andalus berada di bawah kekuasaan Kerajaan Goth daripada suku Barbar yang berasal dari benua Eropah Utara, sesetengah pendapat pula mengatakan bahawa mereka berasal dari Scandinavia dan tinggal di selatan laut Baltik sejak kurun kedua Masihi. Manakala suku Vanda yang juga berasal dari bangsa Barbar pula tinggal di tebing-tebing Sg. Odars di Perancis. Oleh kerana kedudukan keduanya yang berdekatan, maka berlakulah interaksi dan saling mempengaruhi di antara keduanya. Di samping itu, mereka berasal dari bangsa Barbar yang sama.⁷

Penguasaan bangsa Goth terhadap sebahagian besar benua Eropah yang telah menjadi jajahan Rome sejak kurun IV M⁸ lagi memberikan keyakinan yang tinggi untuk mereka menakluki Andalus pada pertengahan kurun ke VI M di bawah pemerintahan raja Andalus (531 M – 547 M) . Goth menjadikan Merida sebagai pusat pemerintahan dan menuarkannya ke Toledo dalam masa pemerintahan Atanagildo.⁹ Raja-raja yang memerintah Andalus adalah dianggarkan seramai 16 orang.¹⁰ Pemerintahan mereka amat kejam dan penuh dengan huru-hara.¹¹ Keadaan ini berterusan sehingga kedatangan kaum Muslimin pada kurun ke VIII M, iaitu semasa pemerintahan Witiza Ghatasah yang mewarisi tampuk pemerintahan daripada ayahandanya, Egica. Pemerintahan Egica yang penuh dengan kekacauan dan pemberontakan telah memberikan peluang negeri-negeri dalam kekuasaannya berpecah kepada wilayah-wilayah yang lebih kecil, dikenali sebagai “Provincide”. Dengan usaha gigih, akhirnya Witiza dapat memulihkan sedikit keadaan negaranya dan rakyat juga dapat menikmati sedikit angin perubahan ini.¹²

Rampasan Kuasa

Namun selepas beberapa ketika beliau memerintah, majlis Diraja Toledo telah menurunkan Witiza dari takhta kerajaan dan digantikan dengan puteranya yang masih kecil, Achila. Pemimpin-pemimpin tentera telah mengambil kesempatan ini untuk merampas kuasa dengan melakukan pemberontakan yang turut menyaksikan Witiza terkorban di tangan pemimpin tentera terkenal, Lazariq sekitar tahun 711 M,¹³ dan akhirnya tampuk pemerintahan jatuh ke tangan tentera.

Lazariq telah memerintah dengan kejam serta membebankan rakyat dengan cukai yang tinggi untuk membiayai keperluan tentera dan menampung kos untuk menentang musuh. Ini pastinya menimbulkan kemarahan yang berterusan kepada rakyat ditambah lagi dengan gerakan-gerakan pemisah dari seluruh wilayah untuk membebaskan diri masing-masing. Manakala Achila yang telah melarikan diri ke Seville dan Jaliqiyah kemudiannya telah berusaha mengumpulkan angkatan tentera bagi menyerang Lazariq. Angkatan tentera Lazariq yang lebih besar tentulah dengan mudah sahaja dapat menumpaskan angkatan tentera keluarga diraja tersebut.¹⁴

Dalam keadaan tersebut, Putera Achila telah berjaya melarikan diri ke Afrika Utara dan cuba mendapatkan suaka politik dan pertolongan daripada pemerintah Ceuta iaitu Julian. Julian kemudiannya telah mendapatkan pertolongan daripada orang-orang Islam untuk merampas semula Andalus daripada kekuasaan Lazariq. Tambahan pula situasi Andalus yang huru-hara telah memberikan laluan mudah kepada kaum Muslimin

untuk menakluki Andalus. Kejayaan-kejayaan kaum Muslimin di dalam menakluki dan menawan negeri-negeri dari Damsyik hingga ke Afrika Utara¹⁵ banyak memberikan mereka kelebihan di dalam memenangi perang menawan Andalus. Akhirnya, angkatan tentera Islam yang diketuai oleh panglima tentera Tariq bin Ziyad telah bertempur dengan tentera Lazariq pada 28 Ramadhan 92 H / 17 Julai 711 M. Pertempuran sengit ini telah berjalan selama 8 hari dan berakhir dengan kemenangan berpihak kepada orang Islam.¹⁶ Perang ini juga menyaksikan Lazariq turut terkorban sekaligus melemahkan semangat angkatan perangnya. Justeru kemenangan ini sebagai petanda awal kemunculan pemerintahan Islam di tengah-tengah arus Kristianisasi di Eropah.¹⁷

Andalus akhirnya berjaya di tawan oleh Tariq keseluruhannya pada tahun 712 M setelah menguasai semua wilayah secara beransur-ansur. Kesungguhan dan semangat kental yang ditunjukkan oleh Tariq telah berjaya menarik perhatian ketuanya, Musa bin Nusayr yang berada di Afrika Utara untuk menyertai angkatan tersebut, bersama teman baiknya yang terkenal, iaitu Habib al-Fihri.¹⁸ Tariq dan Musa meneruskan usaha-usaha untuk menawan bandar-bandar lain di sekitar Andalus. Bandar yang ditawan termasuklah Bandar Seville yang paling besar dan berpengaruh ketika itu.

Tegasnya, sejak kedatangan Islam ke Andalus pada tahun 92 H / 711 M hingga tahun 138 H / 756 M iaitu kira-kira selama 46 tahun dianggap sebagai zaman penubuhan Islam di Andalus. Terdapat lebih kurang 20 orang gabenor yang memerintah Andalus bermula dengan Tariq bin Ziyad dan Musa bin Nusayr hingga kepada Yusuf bin Abd

al-Rahman al-Fihri. Gabenor-gabenor yang memerintah adalah sebagai wakil kepada khalifah Bani Umaiyyah yang berpusat di Damsyik Zaman ini juga dikenali sebagai Zaman Wulat (Zaman Pemerintahan Para Gabenor).¹⁹

Jelasnya, pada zaman ini umat Islam di Andalus belum lagi dapat menzahirkan tamadun Islam disebabkan tuntutan untuk mengukuhkan kedudukan pemerintahan di samping menyelesaikan penentangan dan pemberontakan yang timbul serta meneruskan usaha membuka wilayah-wilayah baru. Hal ini berterusan sehingga berakhirnya zaman Wulat sebelum kedatangan Abd al-Rahman al-Dakhil pada tahun 183 H / 756 M.²⁰

Abd Al-Rahman Al-Dakhil

Kedatangan Abd al-Rahman al-Dakhil pada tahun 138 H / 756 M telah memberikan satu dimensi yang baru kepada perkembangan politik di Andalus. Nama Abd al-Rahman al-Dakhil mula dikenali sebaik sahaja bermulanya pemerintahan kerajaan Abbasiyah dan berakhirnya Empayar Umayyah pada tahun 132 H / 750 M.²¹

Abd Al-Rahman berjaya melepaskan diri dari tindakan kerajaan Abbasiyah yang ingin membersihkan negara daripada saki baki pemerintahan lama²² lalu melarikan diri dan akhirnya tiba di Andalus dan menubuhkan kerajaannya sendiri di sana. Beliau dianggap sebagai orang yang bertanggungjawab di atas perkembangan tamadun Islam di Andalus hingga membawa ke mercu puncaknya di dalam kurun-kurun pertengahan masihi. Selepas tahun 138 H / 750 M hingga tahun 405 H / 1013 M disebut sebagai Zaman Umara (Pemerintahan Raja-raja) di mana terdapat 10 orang raja yang memerintah

secara bebas setelah berjaya melepaskan diri daripada kekuasaan kerajaan Abbasiyah di Baghdad yang dipelopori oleh Abd al-Rahman al-Dakhil.²³

Pemerintahan dan Sumbangan

Di awal pemerintahan Abd al-Rahman, ianya dipenuhi oleh tentangan-tentangan kecil dan pemberontakan. Walaupun halangan yang paling besar telah dapat dihapuskan iaitu dengan terbunuhnya musuh utama Yusuf bin Abd Rahman dan tertangkapnya al-Sumail, namun, beberapa tentangan kecil masih wujud di sepanjang 30 tahun pemerintahan Abd al-Rahman dan pemimpin selepasnya di Andalus. Apabila keadaan di Andalus sudah terkawal dan kegiatan pembangunan dapat dilaksanakan, inilah yang akhirnya menjadi asas kepada tamadun kemudiannya. Pelbagai bentuk kemudahan disediakan termasuklah pembinaan jalan-jalan raya, memperbaiki kemudahan pos, pembinaan masjid, istana dan bangunan-bangunan awam, tempat mandi umum serta taman dan kebun yang indah.²⁴

Pemimpin-pemimpin selepas Abd al-Rahman juga meneruskan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Abd al-Rahman di samping menekankan tentang aspek-aspek sosial dan disiplin dalam kehidupan. Pada zaman kegemilangannya, Andalus telah menjadi salah sebuah pusat intelektual Islam yang terpenting sekali. Sebagai seorang tokoh intelektual, Abd al-Rahman sangat berminat terhadap ilmu pengetahuan. Di atas sokongan beliau, pelbagai kegiatan ilmiah dijalankan. Ini termasuklah aktiviti penterjemahan karya-karya asing yang bernilai tinggi, pembinaan institusi-institusi pendidikan dan galakan

penghasilan karya-karya ilmiah. Usaha-usaha ini turut melahirkan ramai cendikiawan dalam pelbagai bidang. Malah Abd al-Rahman sendiri menjadikan istananya sebagai tempat pertemuan para ilmuwan serta memberikan penghormatan kepada mereka.²⁵

Zaman ini juga mencapai tahap yang amat tinggi dalam penggunaan bahasa Arab seperti yang terhasil dalam karya puisi, nahu, sejarah, geografi, agama, falsafah, dan lain-lain. Ia juga telah muncul sebagai sebuah pusat kemahiran seni halus, seni bina, seni muzik, pertanian, perdagangan dan industri. Ketinggian tamadun di Andalus telah disuburkan oleh negara-negara Islam pada dasarnya di samping unsur-unsur kebudayaan asing.²⁶

Melalui usaha ini juga dapat memartabatkan Andalus sebagai pusat pendidikan yang dinamik. Aktiviti pembangunan sosial dan intelektual ini berterusan sehingga kejatuhan balik Andalus ke tangan orang-orang Kristian. Begitulah seterusnya, pelbagai kemajuan dan pembangunan telah digarap dan dicapai semasa dan selepas pemerintahan Abd al-Rahman sehingga melahirkan satu bentuk tamadun yang unggul dan terpahat dalam sejarah Islam sebagai satu sumbangan yang amat bernilai.²⁷

Tegasnya, kedudukan Andalus yang unik di selatan bumi Eropah telah berperanan sebagai pemimpin spiritual orang Kristian di utara dan Berber dari Utara Afrika. Justeru meletakkan negara ini begitu penting dalam skala pengaruh keIslamannya dan sebagai satu-satunya negara Islam di Eropah, Andalus telah memainkan peranan yang terpenting

dalam menyampaikan idea-idea tamadun Islam ke dunia Latin dan negara-negara Eropah yang lain.²⁸

2.2.5 Zaman Moghul dan Uthmaniah

Perkembangan dan kemajuan tetap berlaku tetapi kerancakannya semakin menurun akibat daripada penjajahan melalui perang dan usaha-usaha untuk melumpuhkan Islam. Pada ketika itu, budaya ilmu mula bertukar menjadi budaya politik. Pada abad ke 13 masehi, kerajaan Moghul telah diserang dan dimusnahkan. Konsekuensinya, banyak khazanah Islam dimusnah dan dipindahkan ke dunia Barat. Pada masa yang sama juga Eropah mula membina tamadun mereka. Kerajaan Moghul berpusat di Asia tengah dan kemudian di India, manakala kerajaan Uthmaniah mula-mula bertapak di Asia Kecil, kemudian bertapak kuat di Istanbul. Kerajaan-kerajaan selepasnya seperti Ismailiah dan Fatimiah juga berhadapan dengan pelbagai masalah-masalah lain yang seterusnya membawa kepada kejatuhan kerajaan-kerajaan Islam hasil daripada dorongan perasaan yang fanatik terhadap agama Islam. Justeru, setiap kesempatan yang terbuka digunakan dengan sebaiknya untuk menakluk dan mengusir orang Islam dari benua Eropah.²⁹

2.3 Konsep-konsep Asas Peradaban Islam³⁰

2.3.1 Konsep Manusia

Konsep manusia berlebar dalam tiga persolan pokok iaitu dari mana kita datang, kenapa kita didatangkan dan ke mana kita akan pergi. Jawapan kepada persoalan pokok ini akan menentukan hala tuju dan pembentukan tamadun itu sendiri. Islam datang untuk menyempurnakan akhlak mulia yang dengannya terbina tamadun yang agung.

2.3.2 Konsep Masyarakat

a. Hak Untuk Hidup

Seseorang manusia tidak boleh membunuh orang sesuka hati. Kemuliaan hidup dan kehormatan nyawa tetap dipelihara oleh syariah. Ia hanya boleh dibatalkan dengan perakuan syariah menurut tatacara yang diakui oleh Islam.

b. Hak Untuk Bebas

Setiap manusia dilahirkan dalam keadaan bebas. Tiada sesiapa pun yang berhak menceroboh kebebasan yang diberi oleh Islam ini. Semua bangsa tidak boleh

menceroboh kebebasan bangsa lain. Pemerintah mesti memperuntukkan jaminan yang cukup untuk melindungi kebebasan ini.

c. Maruah dan Hak Peribadi

Nilai diri dan nama baik seseorang tidak boleh dijatuhkan. Setiap individu tidak dibenarkan mencari keburukan peribadi orang lain dengan tujuan untuk menjatuhkan maruah dan harga diri. Selain maruah, hati dan perasaan orang juga merupakan hak peribadinya yang tidak boleh diganggu dan disakiti.

d. Hak berfikir, beragama dan mengeluarkan pendapat.

Setiap orang bebas untuk berfikir, berkeyakinan dan menyatakan fikiran selagi keyakinannya berada dalam batas-batas umum yang diperakui syariah. Dalam masa yang sama dia tidak dibenarkan menyebarkan kebatilan dan keburukan yang boleh menjelaskan kestabilan sesebuah negara. Kebebasan berfikir untuk mencari kebenaran bukan sekadar hak, tetapi suatu kewajipan. Penolakan dan penentangan terhadap kezaliman juga bukanlah suatu hak semata-mata malah kewajipan setiap individu.

e. Hak Sama Rata

Konsep kemasyarakatan dalam Islam meletakkan seluruh manusia setara dari sudut nilainya sebagai manusia. Tidak ada prioriti antara satu bangsa dengan bangsa yang

lain dalam soal pemberian hak. Setiap orang yang mempunyai kelayakan yang setaraf bererti mempunyai peluang dan hak yang sama.

f. Keadilan dan Kehakiman

Undang-undang yang diamalkan oleh Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.

Dalam melaksanakan hukum, tidak ada perbezaan antara seseorang dengan seseorang yang lain dan tidak terdapat sebarang imuniti untuk mengecualikan seseorang daripada hukuman. Seseorang berhak membela dirinya daripada penganiayaan. Dia juga berhak mendapat pembelaan dan perlindungan daripada pemerintah. Individu, masyarakat dan pemerintah berkewajipan membela orang yang teraniaya. Tiada siapa pun berhak memaksa seseorang muslim mematuhi perkara yang bercanggah dengan undang-undang Islam. Dalam sesuatu perbicaraan seseorang tidak dianggap bersalah kecuali setelah dibuktikan kesalahannya.

2.3.3 Konsep Sejarah

Dalam tamadun Islam, sejarah dijadikan sebagai mekanisme untuk dijadikan panduan dan teladan mahupun sempadan. Pengajaran daripada fakta sejarah ialah satu perkara yang penting dalam menjalani kehidupan seharian. Ia tidak akan mendorong seseorang mengulangi sesuatu kesalahan sama ada kesalahan tersebut telah dilakukannya atau oleh orang lain. Begitu juga dengan ilmu pengetahuan, ianya dapat dicerapi melalui

pengalaman dan peristiwa yang terjadi. Pengalaman dan peristiwa tersebut direkodkan dan disebut sebagai sejarah.

Konsep-konsep asas bagi membentuk sesebuah peradaban amat penting untuk digarap, diolah dan dijanakan menjadi suatu bentuk panduan dan pengukuran pencapaian sesebuah peradaban selaras dengan dasar-dasar konsep yang telah digariskan itu.

2.4 Sumber Utama Tamadun Islam³¹

2.4.1 Al-Quran

Al-Quran sebagai kalam (perkataan) Allah s.w.t. yang mengandungi mukjizat dan diturunkan kepada Nabi Muhammad dengan lafaz dan makna. Ia merangkumi 114 surah dan 6666 ayat. Terjemahan al-Quran ke dalam bahasa lain dan tafsirannya tidak boleh dinamakan al-Quran dan tidak boleh *diistinbatkan* (mengeluarkan hukum) daripadanya kerana terjemahan dan bahasa yang digantikan itu berkemungkinan tidak betul.

Al-Quran tidak diturunkan sekaligus, tetapi diturunkan secara beransur-ansur selama 23 tahun. Di antaranya yang diturunkan sebelum hijrah ke Madinah dan ada pula yang turun sesudah hijrah ke Madinah.³² Terdapat juga ayat yang diturunkan di medan perang seperti surah al-Fath yang menyangkut persoalan Hudaibiah.³³ Ada juga yang diturunkan pada waktu malam dan ada juga diturunkan pada waktu siang.

Perbezaan antara al-Makky dan al-Madaniy mengikuti perbezaan antara dua masa tersebut. Yang pertama merupakan fasa dakwah yang memerlukan pengukuhan akidah dan rukun-rukun iman. Sementara yang kedua adalah merupakan fasa pembinaan masyarakat dan negara Islam, iaitu fasa yang memerlukan penerapan undang-undang dan pengorganisasian. Ayat-ayat Makkiyah berciri khas, pendek dan singkat bertujuan memudahkan penghafalnya secara sembunyi dalam keadaan serba lemah dan takut dari gangguan musyrikin. Sementara itu, ayat-ayat Madaniyah lebih panjang daripada ayat-ayat yang diturunkan di Makkah kerana kekuasaan berada di tangan kaum muslimin sehingga mereka mendapat kebebasan bergerak.

Peradaban Islam terpancar di atas dasar Ilahi yang terpancar dalam al-Quran yang dijelaskan dan diperincikan oleh al-Sunnah. Al-Quran mengandungi segala nilai, dasar, prinsip serta hukum untuk membimbing manusia bagi mencapai perhubungan dan kesempurnaan hidup. Ia juga merangkumi konsep ketuhanan, pengetahuan tentang perkara ghaib, asas perundangan, moral, fakta-fakta sains, sejarah manusia dan lain-lain.

Al-Quran Menerangkan Hukum dan Cara-caranya³⁴

Al-Quran menerangkan hukum syarak dengan perkataan yang pelbagai dan dengan cara-cara yang berlainan, kerana al-Quran adalah sebuah kitab yang boleh memberi pengajaran dan nasihat yang amat berguna kepada manusia. Oleh sebab itu, cara-cara al-Quran menerangkan hukum adalah amat berbeza dengan cara undang-undang ciptaan manusia menerangkan hukumnya.

Al-Quran tidak menyatakan tiap-tiap sesuatu yang wajib dikerjakan oleh mukallaf dengan perkataan wajib dan haram untuk perkara-perkara yang dilarang seperti kebiasaan yang biasa kita dengari. Bahkan al-Quran mengarahkan manusia supaya menumpu dengan sepenuh perhatian kepada tujuan dan himah-hikmah petunjuk Ilahi, supaya berkesan dengan contoh tauladan daripada isi kandungannya, sehingga boleh mendorong jiwa menjunjung perintah Ilahi dengan sepenuhnya.

Cara-cara al-Quran menyatakan tentang tuntutan membuat sesuatu adalah seperti lafaz berikut :

1. Lafaz suruhan yang jelas, firman Allah maksudnya ;

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya". (surah an-Nisa' ; ayat 58)

2. Menceritakan perbuatan tertentu adalah dimaktub atau difardhukan seperti firman Allah , maksudnya;

"Wahai orang-orang yang beriman, kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa". (surah al-Baqarah, ayat 183)

Terdapat juga lafaz yang menuntut meninggalkan sesuatu perbuatan adalah dengan menggunakan lafaz-lafaz berikut ;

1. Lafaz larangan yang jelas atau haram. Seperti firman Allah yang bermaksud ;

“dan dia (Allah) mlarang kamu daripada melakukan perbuatan yang keji dan mungkar seta kezaliman, dan mengajar kamu dengan suruhan dan larangan ini supaya kamu mengambil peringatan mematuhinya”. (Surah an-Nahl , ayat 16 ; 90)

2. Nafi sesuatu perbuatan. Firman Allah maksudnya, ;

“tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan”. (surah an-Nisa' : ayat 4 : 91)

Terdapat juga lafaz yang menunjukkan pilihan dan membolehkan sesuatu dilakukan. Lafaznya adalah seperti berikut:

1. Lafaz yang menunjukkan boleh dilakukan sesuatu. Firman Allah maksudnya, :

“katakanlah wahai Muhammad siapakah yang berani mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkannya untuk hambanya, dan

demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakan-Nya. (Surah al-A'raf : ayat 7 : 32)

2. Lafaz yang menunjukkan sesuatu itu adalah dijadikan untuk manusia. Firman Allah maksudnya, :

*“dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi.
(Surah al-Baqarah, ayat 2 ; 29)*

Unsur-unsur hikmah yang terdapat di dalam al-Quran serta pengajaran ayat-ayatnya di samping ganjaran yang tersebut di dalamnya memberikan manusia kebebasan untuk mencaturkan peradaban asalkan tidak lari dari prinsip-prinsip asas agama Islam.

2.4.2 Al-Hadith dan Al-Sunnah

Al- Hadith dan al-Sunnah merupakan penafsiran al-Quran dalam praktik atau penerapan ajaran Islam secara realistik dan ideal. Peribadi Rasul sendiri adalah cerminan daripada al-Quran. Sebagaimana jawapan Aisyah r.a ketika ditanya tentang akhlak Nabi s.a.w :

“ Akhlak beliau adalah al-Quran !”.

Al-Hadith atau al-Sunnah menduduki tempat teristimewa atau terpenting selepas al-Quran dalam skema kepercayaan dan kebudayaan Islam. Hakikat ini telah diterima

secara universal oleh umat Islam dari semenjak kewujudan Islam lagi. Kebanyakan ahli al-Hadith tidak membezakan antaranya dengan al-Sunnah dari segi bahasa. Oleh itu mereka mengistilahkan al-Hadith atau al-Sunnah sebagai ucapan, perbuatan, pengakuan, akhlak dan sifat-sifat kejadian Rasulullah s.a.w sama ada sebelum baginda diutuskan menjadi Rasul, termasuk ibadat-ibadatnya di Gua Hira' atau selepasnya.³⁵

Status Al-Sunnah

Al-Sunnah sebagaimana yang dijelaskan ialah kata-kata, perbuatan dan pengakuan Rasulullah s.a.w. Al-Sunnah adalah pentafsiran dan penjelasan kepada al-Quran dan dikira sebagai sumber kedua selepas al-Quran. Dalam pelaksanaannya al-Sunnah diambil kira dalam penyelesaian masalah hukum apabila tidak ada nas daripada sumber yang utama iaitu al-Quran. Hal ini lebih jelas lagi dengan adanya pengakuan Mu'adh bin Jabal ketika beliau hendak dihantar ke Yaman, beliau menjelaskan kepada Rasulullah s.a.w bahawa jikalau tidak didapati nas di dalam al-Quran beliau akan menyelesaikan dengan al-Sunnah dan Rasulullah s.a.w merestui pandangan itu.³⁶

Penjelasan ini tidak mungkin difahami sebagai meletakkan al-Sunnah setaraf dengan al-Quran. Al-Imam al-Shafi'i sendiri tidak pernah meletakkan al-Sunnah setara dengan al-Quran.³⁷

Dengan penjelasan ini menunjukkan bahawa al-Sunnah adalah berdasarkan al-Quran dan ia tidak boleh dipisahkan daripada al-Quran sebagai penjelasan dan pentafsiran kepadanya. Tegasnya Rasulullah s.a.w adalah penyampai, penjelas dan

pentafsir, penggubal dan pelaksana idea al-Quran. Oleh itu Rasulullah s.a.w mempunyai autoriti hukum dan pengajaran. Kesempurnaan menerima al-Hadith Rasulullah s.a.w ialah mempercayai kebenaran maklumat dan meyakini keautoriannya dalam bidang hukum untuk diikuti dan dipatuhi.

Fungsi Al-Sunnah

Al-Sunnah berperanan di dalam menerangkan nas-nas al-Quran yang kurang jelas dan penambahan-penambahan pengajaran yang tidak didapati di dalam al-Quran.

Walaupun al-Quran mempunyai sifat-sifat keistimewaan secara mutlak tetapi tidak seharusnya terpisah dari al-Sunnah, kerana segala tindak tanduk Rasulullah s.a.w adalah sebagai menerangkan apa-apa yang terkandung di dalam al-Quran.

Huraian berikut membincangkan konteks menguatkan nas-nas al-Quran, menghuraikan nas-nas yang mujmal, mentakhsiskan nas-nas yang umum, membataskan nas-nas yang mutlak dan menambahkan hukum-hukum yang terdapat asasnya di dalam al-Quran.

a) Al-Sunnah Menguatkan Nas-nas Al-Quran

Walaupun ayat-ayat al-Quran cukup jelas dan terang serta senang difahami oleh pembacanya, namun demikian ia tetap memerlukan kepada al-Sunnah untuk

menguatkannya dan juga untuk menerangkan isi-isi kandungannya. Di atas dasar inilah maka Rasulullah s.a.w diutuskan. Firman Allah yang bermaksud :

“Dan kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan supaya engkau menerangkan kepada manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka berfikir”.
(Surah an-Nahl, 16 : 44)

Dan demikian juga halnya para Rasul yang diutuskan oleh Allah sebelum Nabi Muhammad s.a.w.

Al-Hadith yang boleh disifatkan sebagai menguatkan nas-nas al-Quran banyak terdapat di dalam kitab-kitab al-Sunnah. Antaranya al-Hadith yang bermaksud :

*“Islam didirikan atas lima rukun; syahadah bahawa tiada Tuhan yang lain yang berhak disembah melainkan Allah, Nabi Muhammad s.a.w adalah Rasulullah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji dan puasa di bulan Ramadhan”.*³⁸

Al-Hadith di atas boleh disifatkan sebagai penguat perintah Allah di dalam melaksanakan kewajipan tuntutan terhadap hambaNya. Contoh-contoh lain banyak terdapat di dalam kitab-kitab al-Sunnah sama ada menguatkan larangan atau suruhan.

b) **Al-Sunnah Menghuraikan Nas-nas Al-Quran Yang Mujmal :³⁹**

Terdapat beberapa nas al-Quran yang diturunkan secara mujmal (ringkas) yang memerlukan keterangan dari al-sunnah, antara contohnya ialah perintah Allah mengenai ibadat sembahyang yang terkandung di dalam firman Allah yang bermaksud :

“Sembahyang itu suatu ketetapan yang diwajibkan ke atas orang yang beriman yang tertentu waktunya”.

Ayat di atas adalah antara ayat-ayat yang mujmal, kerana tidak diterangkan cara-cara mengerjakannya dan juga diterangkan waktu-waktu yang diwajibkan, dengan demikian maka fungsi al-Sunnah ialah menerangkan satu persatu segala apa yang tidak dijelaskan oleh al-Quran, lalu dijelaskan melalui perbuatan Rasulullah s.a.w.

c) **Al-Sunnah Mentakhsiskan Maksud Nas Yang Umum :**

Terdapat beberapa ayat al-Quran yang diturunkan, maksudnya adalah umum, antaranya ialah firman Allah yang bermaksud :

“Allah perintahkan kepada kamu mengenai pembahagian harta pusaka untuk anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai dua bahagian anak perempuan”. (Surah an-Nisa’, 4 : 11)

Ayat di atas adalah umum maksudnya, ia melibatkan para Nabi dan anak-anak mereka, sedangkan antara mereka tidak harus menerima pusaka. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud :

“Kami para Nabi tidak dipusakai”.⁴⁰

Al-Hadith di atas adalah sebagai mentakhsiskan ayat 11 surah al-Nisa'.

Pengertian umum dari ayat tersebut juga boleh melibatkan pembunuh menerima pusaka, sedangkan ia tidak harus menerimanya. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud :

“Pembunuh tidak mendapat apa-apa dari harta pusaka orang yang dibunuhnya”.⁴¹

Dua al-Hadith di atas adalah untuk mentakhsiskan atau mengeluarkan mereka yang tidak termasuk di dalam umum ayat tersebut.

d) Al-Sunnah Membatasi Nas Al-Quran Yang Mutlak :

Antara ayat-ayat al-Quran yang diturunkan secara mutlak maksudnya (tidak terbatas) ialah firman Allah yang bermaksud :

“Lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri maka potonglah tangan mereka berdua”. (Surah al-Maidah, 5 : 38)

Ayat di atas adalah antara ayat-ayat yang mutlak maksudnya, kerana tidak dibataskan sempadan tangan yang patut dipotong apabila sabit kesalahan mencuri dan hukumnya kepada semua pencuri, sama ada benda yang dicuri itu sedikit atau banyak.

Tentang had potong tangan, maka Rasulullah s.a.w membataskan setakat pergelangan dan disitulah tempat yang diperintah supaya dipotongnya dalam sabdanya yang bermaksud :

“Potonglah”.⁴²

Tentang kadar benda yang dicuri pula, maka Rasulullah s.a.w membataskan kadarnya iaitu kurang dari $\frac{1}{4}$ dinar, sabdanya yang bermaksud :

“Jangan memotong tangan pencuri melainkan apabila ia mencuri sesuatu yang bernilai $\frac{1}{4}$ dinar atau lebih”.⁴³

e) **Al-Sunnah Menambah Hukum-hukum Yang Terdapat Asasnya Di Dalam Al-Quran :**

Ulama' sepakat bahawa al-Sunnah menguatkan nas-nas al-Quran. Ada di kalangan mereka berselisih tentang al-Sunnah menambah hukum-hukum yang tidak tersebut di dalam al-Quran secara zahir tetapi secara asasnya sahaja, seperti mengharamkan makan burung yang berkuku panjang dan binatang buas yang mempunyai taring. Pengharaman itu ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w dalam sabdanya yang bermaksud :

"Pada hari khaibar,⁴⁴ Rasulullah s.a.w melarang dari memakan binatang buas yang mempunyai taring dan burung yang berkuku panjang".⁴⁵

Kedua-dua jenis binatang ini tidak termasuk di dalam jenis-jenis binatang yang diharamkan memakannya, yang tercatat di dalam firman Allah yang bermaksud :

"Diharamkan kepada kamu memakan bangkai (binatang yang tidak disembelih), darah yang mengalir, daging babi, binatang yang disembelih kerana lain daripada Allah, yang mati tercekik, yang mati dipukul, yang mati terjatuh dari tempat tinggi, yang mati ditanduk, yang mati dimakan oleh binatang buas, kecuali jika dapat disembelih sebelum habis nyawanya dan yang disembelih atas nama berhala..." (Surah al-Maidah, 5 : 3)

Ulama' berbeza pendapat dalam hal ini :⁴⁶

- i) Sesetengah ulama' berpendapat bahawa apa yang disunnahkan oleh Rasulullah s.a.w, walaupun tidak terdapat di dalam al-Quran secara zahirnya tetapi oleh kerana Allah telah mewajibkan ke atas manusia supaya mentaatinya maka dengan sendirinya apa yang disunahkan itu adalah dengan taufiq dan hidayah dari Allah.
- ii) Sesetengah ulama' pula berpendapat bahawa Rasulullah s.a.w tidak mensyari'atkan sesuatu hukum melainkan apabila terdapat asas-asasnya di dalam al-Quran seperti ibadat sembahyang yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dengan kaifiyat yang tidak tercatat di dalam al-Quran. Namun demikian ia tidak terkeluar dari asas perintah Allah supaya mengerjakan sembahyang, begitulah halnya dalam hal-hal ibadat.
- iii) Sesetengah ulama' pula berpendapat bahawa sesuatu yang disyari'atkan oleh Rasulullah s.a.w adalah dengan perintah Allah, jadi Rasulullah s.a.w hanya melaksanakan perintahNya.
- iv) Sesetengah ulama' pula berpendapat bahawa sesuatu yang disunnahkan oleh Rasulullah s.a.w adalah hasil dari ilham yang diilhamkan ke dalam hatinya. Golongan ini berdalil dengan sebuah al-Hadith yang bermaksud :

“Jibril mengilhamkan ke dalam hatiku, iaitu seseorang tidak akan mati melainkan setelah disempurnakan segala rezekinya yang telah dijanjikan, oleh itu maka hendaklah kamu elokkan tuntutan kamu”.⁴⁷

Pada zahirnya sahaja pendapat-pendapat tadi kelihatan berbeza. Mereka tidak mengatakan bahawa apa yang disunnahkan oleh Rasulullah s.a.w itu berdasarkan pandangannya sendiri atau ditokok tambah tanpa berpandukan sebarang asas, malah mereka sependapat tentang sesuatu yang disunnahkan itu mempunyai asas, sama ada al-Quran atau wahyu secara ilham atau taufiq dari Allah.

Pendapat yang mengatakan bahawa sesuatu yang disunnahkan oleh Rasulullah s.a.w adalah datang dari ilham yang diilhamkan ke dalam hatinya adalah lebih jelas dan tepat dengan al-Sunnah sebagai wahyu dan selaras dengan firman Allah yang bermaksud:

“Segala apa yang diperkatakan itu sama ada al-Quran atau al-Hadith tidak lain melainkan wahyu yang diwahyukan”. (Surah an-Najm, 53 : 4)

Antara fungsinya al-Sunnah juga menambah beberapa pengajaran yang tidak terdapat di dalam al-Quran seperti beberapa jenis dari sembahyang sunat termasuk sunat Rawatib, Dhuha dan lain-lain.

Namun begitu, terdapat beberapa sumber tamadun Islam lainnya yang tidak diuraikan di sini seperti Ijtihad, Istihsan, Qias dan sebagainya.

2.5 Ciri-ciri Utama Tamadun Islam⁴⁸

1) Rabbani

Rabbani membawa erti bahawa Islam adalah daripada Allah s.w.t dan bukan ciptaan rasulNya Muhammad s.a.w. Matlamat, tumpuan, kaedah dan sumber, penetapan matlamat hidup manusia semuanya telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. Jelasnya, walaupun perjalanan kehidupan manusia dalam membina sebuah tamadun mempunyai pelbagai tujuan yang bersifat dunia, tetapi matlamat akhirnya adalah sama, iaitu untuk mengadap Allah s.w.t. Tumpuan dan kaedah di dalam kehidupan juga telah digariskan dengan sumber yang datang daripada Allah s.w.t.

2) Menyeluruh

Agama Islam mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia. Ini termasuklah undang-undang, akidah, akhlak, hubungan dengan Allah s.w.t. dan hubungan sesama manusia. Ia juga merupakan satu seruan keadilan untuk semua insan tanpa mengira ras, bangsa dan agama. Allah telah menciptakan Islam bersesuaian dengan kehidupan manusia daripada zaman nabi Adam hingga ke akhir zaman. Walaupun ia melibatkan jarak waktu yang panjang, namun Allah s.w.t. mengetahui keperluan setiap ciptaanNya.

3) Umum

Ciri umum yang terdapat pada tamadun Islam menjadikan ianya sesuai untuk semua orang di setiap tempat dan masa. Dengan ciri ini juga dapat membuka ruang dan memotivasi manusia untuk saling memperdalam pengetahuan antara sesama mereka di samping dapat membina kesejagatan tamadun. Ciri yang bersifat fleksibel ini juga menjadikan ia mudah untuk diperaktikkan mengikut kemampuan penganutnya.

4) Tetap dan Anjal

Tetap memberi makna agama Islam adalah statik dan tidak berubah pada sasaran dan matlamat pembinaan tamadun, tetapi anjal dari sudut cara dan teknik pelaksanaanya. Keanjalan menjelaskan bahawa agama Islam amat menitik-beratkan soal kesesuaian dan kemampuan yang menjadi keutamaan di dalam mempraktikkan sesuatu syariat. Islam juga turut memberi kebebasan dari sudut merealisasikan tamadun dengan mengambil kira matlamat yang harus dicapai dan bukannya kemajuan dari sudut kebendaan semata-mata.

5) Ideal dan Realistik

Agama Islam telah mengangkat darjat dan memuliakan manusia di tahap yang paling tinggi serta meletakkan manusia sebagai makhluk yang paling mulia di muka bumi ini. Selaras dengan pengiktirafan itu, Islam menekankan dan ingin meletakkan manusia di tingkat kesempurnaan teratas sesuai dengan penciptaan manusia tetapi semuanya di

dasarkan kepada kemampuan manusia yang sebenar. Namun begitu, seluruh kegiatan manusia perlu diawasi agar tidak bercanggah dengan ajaran Allah s.w.t. Asasnya adalah kesederhanaan dan kesempurnaan. Realistik pula memberi maksud mengambil kira realiti alam sejagat atas dasar bahawa alam sejagat merupakan suatu hakikat yang berlaku di dunia nyata yang menunjukkan hakikat kewujudan Allah s.w.t.

2.6 Sifat-sifat Utama Tamadun Islam⁴⁹

1) Sejagat

Sifat pertama bagi tamadun Islam ialah kesejagatan atau bersifat menyeluruh. Ini bermakna tamadun Islam tidak terikat kepada bangsa tertentu atau disandarkan kepada tempat tertentu, bahkan milik seluruh manusia yang berpegang kepada al-Din. Ia mendahului massa dan merentasi batas sempadan geografi. Ia adalah milik semua tanpa mengira keturunan, bangsa dan warna kulit.

2) Terbuka

Keterbukaan merupakan salah satu sifat tamadun Islam. Keterbukaan bermaksud bahawa tamadun Islam yang dicipta itu tidak terbatas kepada had atau sempadan tertentu. Tamadun Islam diletakkan di atas garis panduan syariah yang tetap dan ia berkembang selaras dengan peredaran masa. Tamadun Islam terbuka kepada semua tamadun yang tidak bercanggah dengan syariah. Sebarang bentuk tamadun selain Islam boleh diteruskan

dan dikembangkan selagi ia tidak lari dari garis panduan syarak. Malah Islam menggalakkan penerusan tamadun yang membawa kebaikan kepada manusia dengan tidak menjaskan hak orang lain.

3) Sepanjang Zaman

Tamadun Islam bersifat sepanjang zaman. Permulaannya ditandai dengan penurunan wahyu pertama dan terus berkembang tanpa noktah. Sifatnya yang tidak rigid pada perkara furu' menyebabkan ianya sesuai sepanjang zaman dan sebarang tempat. Arus kemajuan dan kemodenan yang dicapai dapat diselaraskan dengan tuntutan agama tanpa meminggirkan nilai-nilai atau norma insani. Justeru, perubahan masa tidak memberikan kesan ketinggalan terhadap syarak. Malah syariat Islam sentiasa mendahului zamannya.

4) Toleransi

Sifat utama tamadun Islam juga ialah toleransi terhadap budaya dan agama lain. Walaupun tamadun Islam pernah berkembang dalam dunia yang tidak dikenali, ia tetap mempertahankan toleransinya terhadap agama dan budaya bukan Islam. Masyarakat bukan Islam yang berada di bawah perkembangan tamadun Islam tidak dilarang mengamalkan agama dan budaya mereka dengan mengekalkan hubungan baik terhadap masyarakat. Namun begitu, toleransi dalam Islam hanya terhad kepada perkara-perkara yang tidak melanggar batas-batas syarak sahaja.

5) Kesatuan Dalam Kepelbagai

Kesatuan merupakan asas yang ditekankan di dalam semua gerak kerja Islam, kerana kesatuan adalah simbol kekuatan sesuatu ideologi. Sebarang bentuk kemajuan yang dicapai oleh tamadun Islam dalam pelbagai bidang disatukan oleh akidah Islam yang menjurus ke arah mengesakan Tuhan. Kesatuan di dalam pelbagai bidang juga akan meluaskan lagi pengaruh dan meninggikan lagi syiar Islam serta memartabatkan agama Islam. Justeru, penemuan dan hasil ciptaan baru yang dicapai oleh manusia dikembalikan kepada kebesaran Tuhan pencipta alam seluruhnya.

2.7 Keunikan Peradaban Islam⁵⁰

1) Agama Melahirkan Tamadun

Tamadun Islam adalah tamadun yang paling unik jika dikaji dari sudut kelahirannya. Tamadun Islam lahir daripada asas agama. Kelahiran agama Islam di Semenanjung Tanah Arab telah mencetuskan sebuah tamadun yang unggul. Berbeza dengan agama Islam yang melahirkan tamadun, agama-agama lain sebaliknya, iaitu tamadun yang mencipta agama. Justeru tidak ada satu tamadun pun yang boleh dijadikan contoh bagi suatu kelahiran yang berteraskan agama, sebagaimana yang dimiliki oleh tamadun Islam.

2) Peradaban Membentuk Tamadun

Agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w telah berjaya membentuk sebuah peradaban yang tinggi. Ajaran Islam yang datang daripada Allah s.w.t telah melahirkan pengikut yang berperadaban tinggi dan berakhlak mulia. Daripada peradaban ini terbinalah sebuah tamadun. Ini bermakna tamadun Islam berkembang maju dengan asas peradaban yang telah terbentuk. Ini merupakan satu perbezaan yang jelas dengan tamadun-tamadun lain yang membina peradabannya daripada hasil perkembangan dan kemajuan tamadun tersebut.

3) Perkembangan Tamadun

Agama Islam yang mencetuskan permulaan sebuah tamadun berlaku di Mekah, iaitu sebuah kota yang terletak jauh dari persisiran pantai atau muara sungai. Lokasi ini tentu sama sekali berbeza dengan tamadun-tamadun lain yang pada kebiasaannya lahir di persisiran pantai atau muara sungai. Walaupun Islam bermula di Mekah dan dibangunkan di Madinah, namun banyak perubahan yang telah dilakukan. Justeru, Madinah mendapat pengiktirafan sebagai sebuah negara Islam yang pertama berdasarkan latar belakang perkembangan Islam. Pembinaan sebuah tamadun bermula di sini dengan asas dan panduan yang digariskan oleh agama. Perkembangan tamadun Islam seterusnya tidaklah berlaku di Mekah, tempat lahirnya, juga bukan di Madinah, tempat negara Islam pertama dibangunkan, malah tamadun Islam berkembang di segenap pelosok dunia.

Fenomena ini berbeza sama sekali dengan tamadun-tamadun lain yang mencapai tahap kegemilangannya di tempat ia diasaskan.

4) Konsep al-Ummah

Perkembangan tamadun Islam berdasarkan konsep al-Ummah, yakni mensasarkan agama Islam untuk semua golongan, tanpa mengira ras, warna dan etnik. Berbeza dengan tamadun-tamadun lain yang diasaskan berdasarkan bangsa tertentu. Contohnya tamadun Jepun berlandaskan bangsa Jepun. Begitu juga dengan tamadun China. Perkara seperti ini tidak terdapat di dalam tamadun Islam yang menganggap semua manusia adalah sama di sisi Tuhan. Oleh itu setiap orang dikira sebagai satu ummah. Gabungan dari pelbagai latar belakang budaya mengikut bangsa menghasilkan sebuah tamadun yang kaya dengan pelbagai unsur yang tidak terdapat di dalam tamadun lain.

5) Asas Pengetahuan

Kelahiran tamadun Islam adalah berasaskan ilmu pengetahuan yang ditiup dari konsep iqra' yang bererti '*bacalah*'. Ia merupakan wahyu pertama yang disampaikan kepada pesuruhNya, Muhammad s.a.w. Penekanan kepada ilmu pengetahuan yang bermula dari peringkat awal ini lagi telah membangkitkan kesedaran tentang betapa pentingnya pembinaan tamadun berteraskan pengetahuan. Titik tolak perkembangan dan kegemilangan tamadun Islam adalah daripada ilmu pengetahuan. Ini bermakna tamadun

Islam yang lahir daripada ilmu pengetahuan berbeza dengan tamadun lain yang melahirkan pengetahuan daripada perkembangan tamadunnya sendiri.

2.8 Rumusan

Agama Islam merupakan agama yang melahirkan tamadun atau peradaban. Justeru, pembentukan peradaban Islam sebenarnya mempunyai asas dan garis panduan yang telahpun dijelaskan oleh PenciptaNya. Inilah antara faktor yang menjadikan peradaban Islam bersifat efisien, kondusif dan elastik dengan situasi semasa. Selain itu, pembawa risalah Islam terakhir iaitu Nabi Muhammad s.a.w. telah menjadikan dirinya contoh, ikutan dan tauladan di dalam menterjemahkan ajaran Islam yang mulia.

NOTA HUJUNG

¹ Ahmad Tarmizi Talib, *Islam Sebagai Agama dan Tamadun dalam Tamadun Islam*, Universiti Putra Malaysia : Serdang, Selangor, 1997, hlm 2

² Ibid, halaman 40 dan 41

³ Ibid, halaman 41

⁴ Ibid, halaman 42

⁵ Ibnu Al-Athir, *Al Kamil fi al-Tarikh*, Berut : Dar Berut, Jil. VI, hlm 556

⁶ G.S.Colin, Artikel Abdalus dalam *The Encyclopediea of Islam*, Vol.1, N.Ed.Leiden : E.J.Brill, 1979, hlm 486

⁷ Muhammad Abdullah Inan, *Dawlah al-Islam fi al-Andalus*, Qahirah : Muassasah al-Khanji, 1960, hlm 28

⁸ Dr.Ali Habibah, *Ma'a al-Muslimin fi al-Andalus*, Qahirah : Maktabah al-Shahab, 1972, hlm 78

⁹ Salim, 'Abd al-Aziz, *Tarikh al-Muslimin fi al-Andalus*, Qahirah : Maktabah al-Shahab, 1972, hlm 78

¹⁰ Ibn 'Idhari al-Marakushi, *al-Bayan al-Mughrib Fi Akhbar al-Andalus wa al-Maghrib*, Jilid II, Leiden : E.J. Brill, 1951, hlm 2

¹¹ Op.cit., Salim, hlm 62 - 64

¹² Dr. Syed al-Aziz Salim, *Tarikh al-Muslimin wa atharum fi al-Andalus*, Lubnan : Dar al-Ma'rif, 1962, hlm 62

¹³ Op.cit, Muhammad Abdullah Inan, hlm 34

¹⁴ Opt. cit, Dr. Syed al-Aziz Salim, hlm 60

¹⁵ Ibid, hlm. 60

¹⁶ Op.cit, Muhammad 'Abdullah 'Inan, hlm 34

¹⁷ Op.cit, Ibn al-Athir, hlm 563

¹⁸ Al-Maqqari, *Shihab al-Din Ahmad bin Muhammad Nafh al-Tabib fi Ghusn al-Andalus al-Ratib*, Jil. 1, Beirut : Dar al-Kitab al-Arabi t.

¹⁹ Ahmad Haji Hasbullah, *Perkembangan Tamadun Islam Abad Pertengahan*, Yayasan Dakwah Islam Malaysia : Kuala Lumpur, 1993, hlm 17

²⁰ Ibid, hlm. 17

²¹ Ibid, hlm. 19

²² Abd. Al-Rahman Ali al-Hajj, *Andalusian Diplomatic Relations with Western Europe During the Umayyah Period*, Beirut : Dar al-Irshad ,1970, hlm 29

²³ Op.cit, Ahmad Haji Hasbullah, hlm 17

²⁴ Ibid, hlm 21

²⁵ Op.cit, al-Maqarri, hlm 325

²⁶ Chejne, A. Muslim Spain, *Its History and Culture*, University of Minnesota Press, 1974.

²⁷ Op.cit, Ahmad Haji Hasbullah, hlm 21

²⁸ Azizan Baharuddin, *Pengenalan Tamadun Islam di Andalus*, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur, hlm viii

²⁹ Hamka, *Sejarah Umat Islam*, 1965, Pustaka Antara : Kuala Lumpur, hlm 368

³⁰ Op.cit, Ahmad Tarmizi Talib, hlm. 2-4

³¹ Ahmad Tarmizi Talib, *Sumber Utama Tamadun Islam dalam Tamadun Islam*, Universiti Putra Malaysia : Serdang, 1997, hlm 18

³² Nabi s.a.w. berdakwah di Makkah selama 13 tahun kemudian berhijrah ke Madinah pada hari Isnin, 12 Rabiulawal (lihat Ibn Hisham, *Tahdzibul Sirat*, Mu'assasat ar-Risalah, hlm. 128

³³ Hudaibiah ialah suatu tempat di mana kaum Muslimin pernah memberikan baiat pada Rasulullah s.a.w di bawah satu pohon, setelah kaum musyrikin melarang mereka memasuki Makkah untuk melaksanakan umrah pada bulan Zulkaedah tahun keenam Hijrah. Ditempat ini juga terjadinya perjanjian perdamaian di antara kaum Muslimin dan Quraisy.

³⁴ Yaakub Ismail, *Usul Fiqh*, Kuala Lumpur, Pustaka Salam, 1998, hlm. 31 – 37

³⁵ Al-Bukhari, *Bab Dua 'ukum Imanukum*, Dalam Sahih al-Bukhari, Hadith diriwayatkan oleh Umar Ibn al-Khattab, 1 : 9

³⁶ Khallaf, *Usul al-Fiqh*, Mesir, Dar al-Fikr, 1969, hlm ; 242

³⁷ Shafie, *al-Risalah*, Mesir, 1940, hlm ; 22

³⁸ Op – cit, al-Bukhari

³⁹ Mujmal ertinya suatu nas yang tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas salah satu daripada dua maksud dan tidak jelas yang mana satu dimaksudkan, Lihat al-Amidi, *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, 2 ; 166

⁴⁰ Op – cit, al-Bukhari, *Bab Qawlu al-Nabi s.a.w. : La Nuwwarithu Ma Taraknahu Sadaqat*, 8 : 186

⁴¹ Abu Dawud, *Diyyat al-A'da'* , dalam Sunan Abi Dawud, 2 ; 496

⁴² Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Quran*, Mesir, Dar al-Katib al – Arabi li al-Tba'at wa al-Nasyr, 1917 M, ed. 3, 6 : 160

⁴³ Ibid, hlm ; 72

⁴⁴ Hari Khaibar iaitu hari berlakunya perperangan yang berlaku di dalam tahun yang ke tujuh Hijrah

⁴⁵ Abu Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwini, *Bab Aklu dhi nabin min al-Siba*, dalam *Sunan Ibn Majah*, Tahqiq Muhammad Fuad Abd al-Baqi, Mesir, Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyat Isa al-Babi al-Halabi, 1952, 2 : 1077

⁴⁶ Op – cit, al-Shafie, hlm : 92

⁴⁷ Ibid, hlm : 93

⁴⁸ Op-cit, Ahmad Tarmizi Talib, hlm : 4 – 5

⁴⁹ Ibid, hlm : 4

⁵⁰ Ibid, hlm : 5 - 7